## TEMA 10 PERMAINAN TRADISIONAL

## Situasi 10.2 Cara Bermain Congkak

Latar tempat : Di Sebuah pondok

Ali : Boleh awak ajar saya cara bermain congkak?

Azman : Boleh, apa salahnya. Permainan congkak ini menggunakan guli dan papan congkak.

Ali : Oo… Berapakah biji guli yang diperlukan untuk bermain permainan ini?

Azman : Sebanyak 98 biji guli diperlukan untuk bermain permainan ini.

Ali : Apakah lubang-lubang yang ada pada papan congkak?

Azman : Lubang-lubang ini yang perlu dimasukkan guli. Terdapat 14 lubang rumah untuk 2 kampung dan 2 lubang ibu.

Ali : Berapa orang pemain diperlukan untuk bermain permainan ini?

Azman : Permainan congkak memerlukan hanya dua orang pemain sahaja.

Ali : Jadi, bagaimanakah cara bermain congkak?

Azman : Begini, setiap pemain perlu mengambil guli dari mana-mana lubang rumah dan memasukkannya ke dalam lubang ibu masing-masing secara berturutan. Pemain yang memiliki guli yang paling banyak dalam lubang ibu adalah pemenang.

Ali : Oo, menarik. Boleh saya bermain?

Azman : Boleh. Marilah bermain.